

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA BAGI
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS, TAHUN 2016**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. LUCAS UMBUL

SOALAN : 36

Datuk Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah kadar purata penembusan jalur lebar isi rumah nasional di negeri Sabah sehingga kini dan berapakah jumlah Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) dan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) telah diwujudkan di seluruh negeri sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir tahun 2015, kadar penembusan jalur lebar isi rumah di negeri Sabah adalah sebanyak 48.3%, ini tidak termasuk akses kepada Internet melalui program Wi-Fi Komuniti (WK) dan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) di mana masing-masing menyumbang sebanyak 9.3% dan 3.3% kadar penembusan.

Buat masa ini, sasaran kadar penembusan jalur lebar isi rumah di peringkat nasional ialah 75% dan pihak Kementerian masih lagi giat melaksanakan pelbagai inisiatif yang baharu bagi memastikan faedah telekomunikasi turut dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

SOALAN NO : 36

Secara keseluruhannya, sebanyak 674 buah PI1M telah beroperasi di seluruh Malaysia dan sebanyak 165 buah PI1M yang masih dalam peringkat pelaksanaan. Manakala, sebanyak 4,082 WiFi Komuniti – WK (dahulu dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar - KTW) telah dipasang di seluruh Malaysia dan sedang beroperasi.

Pecahan bilangan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) mengikut negeri beserta status pelaksanaan terkini adalah seperti berikut :

Bil	Negeri	Siap	Dalam Pelaksanaan
1	Johor	66	19
2	Kedah	49	23
3	Kelantan	56	8
4	Melaka	25	4
5	N. Sembilan	35	13
6	Pahang	91	12
7	Perak	50	15
8	Perlis	9	4
9	P. Pinang	1	0
10	Sabah	85	21
11	Sarawak	98	26
12	Selangor	32	6
13	Terengganu	52	12
14	WP KL	20	1
15	WP Labuan	1	1
16	WP Putrajaya	4	0
JUMLAH		674	165

SOALAN NO : 36

Pecahan bilangan WiFi Komuniti (WK) mengikut negeri beserta status pelaksanaan terkini adalah seperti berikut :

Bil	Negeri	Siap	Dalam Pelaksanaan
1	Johor	214	152
2	Kedah	384	128
3	Kelantan	237	46
4	Melaka	35	33
5	N. Sembilan	152	49
6	Pahang	318	146
7	Perak	221	65
8	Perlis	56	18
9	P. Pinang	5	0
10	Sabah	643	96
11	Sarawak	1,340	123
12	Selangor	96	50
13	Terengganu	184	94
14	WP KL	159	3
15	WP Labuan	18	3
16	WP Putrajaya	20	0
JUMLAH		4,082	1,006